

Pekan Sehari Temerloh diiktiraf MBOR Pekan Sehari terpanjang di Malaysia

Oleh: [RoselanAb Malek](#) - Disember 17, 2023 @ 3:20pm

bhnews@bh.com.my



Wan Rosdy meninjau Pekan Sehari Temerloh di Lurah Semantan di sini, yang diiktiraf sebagai Pekan Sehari terpanjang di Malaysia oleh Malaysia Book Of Records. - Foto NSTP/Roselan Ab Malek

TEMERLOH: Pekan Sehari Temerloh di Lurah Semantan di sini, yang terkenal sejak beberapa dekad lalu diiktiraf

Malaysia Book Of Records (MBOR) sebagai Pekan Sehari terpanjang dengan jumlah peniaga terbesar di Malaysia.

Pekan Sehari sepanjang satu kilometer beroperasi di sepanjang Sungai Pahang, di sini setiap Ahad itu, dikendalikan oleh Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) dan mempunyai kira-kira 600 peniaga yang menjual pelbagai jenis produk seperti sayur-sayuran, buah-buahan, makanan, kuih-muih, ikan, ayam, daging serta pelbagai lagi.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata kerajaan negeri bangga kerana Pekan Sehari Temerloh disenaraikan dan tercatat dalam MBOR sebagai Pekan Sehari terpanjang di negara ini.

Beliau berkata, kira-kira 5,000 hingga 7,000 pengunjung mengunjungi Pekan Sehari ini setiap Ahad dan ia secara langsung memberikan pulangan ekonomi baik kepada peniaga.

Katanya, kewujudan Pekan Sehari Temerloh memberi peluang penduduk di sekitar Temerloh turut sama merasai limpahan ekonomi, di mana penternak ikan sangkar dan nelayan sungai dapat membekalkan ikan mereka kepada peniaga ikan sungai.

Wan Rosdy berkata, Pekan Sehari Temerloh yang sudah berusia 150 tahun ini turut menjana pendapatan kira-kira RM500,000 hingga RM800,000 bagi pelbagai perniagaan di Temerloh ini.

"Penduduk kampung yang menanam sayur kampung dapat membekalkan tanaman mereka kepada peniaga sayur dan anak muda dapat bekerja secara sambilan bagi menambah pendapatan.

"Pada masa sama, pengusaha hotel dan rumah tamu serta peniaga kedai makan dan restoran juga merasai kesan hasil limpahan ekonomi ini," katanya kepada media selepas merasmikan dan Penyerahan Sijil Malaysia Book Of Records, di Terminal Bas Lurah Semantan di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussein dan Yang Dipertua MPT, Suris Mihat.

Katanya, pada masa sama kerajaan negeri mengorak langkah dengan kerjasama institusi perbankan dan pengeluar wang elektronik bukan bank bagi memastikan Pahang menjadi negeri pintar melalui penggunaan transaksi digital bagi semua urusan pembayaran.

"Inisiatif seperti ini membantu memperluaskan aktiviti ekonomi peniaga dan orang awam melalui platform berteknologi tinggi serta pembayaran tanpa tunai bagi mengurangkan jurang digital dalam kalangan bandar.

"Agrobank juga telah melaksanakan inisiatif sama di sekitar Negeri Pahang, antaranya Kampung Cashless Mukim, Ulu Tembeling, Jerantut dan Penjaja Cashless di Pelangai, Bentong, Sekolah Cashless di Sekolah Menengah Vokasional Tengku Ampuan Afzan, Pasar Cashless Bazar Taman Kerang dan Mahkota Square.

"Dengan adanya jalinan kerjasama dengan Agrobank ini, saya berbangga kerana kerajaan negeri mempunyai sinergi yang sama dalam membantu memperluaskan penggunaan perkhidmatan tanpa tunai serta dapat memberi manfaat kepada masyarakat termasuk di luar bandar," katanya.